



The Sarawak Museum Journal

Vol. LXV No. 86

December 2008



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Siti Haslina Hussin dan Malia Taibi. (2008). Persepsi Pembantu Rumah Wanita Warga Indonesia Terhadap Majikan di Malaysia. The Sarawak Museum Journal, LXV (86): 69-88

PERSEPSI PEMBANTU RUMAH WANITA WARGA INDONESIA TERHADAP MAJIKAN DI MALAYSIA: Kajian kes di bandaraya Kuching, Sarawak

Siti Haslina Hussin dan Malia Taibi

PENGENALAN

Pembantu rumah wanita warga Indonesia mendominasi sektor perkhidmatan domestik di Malaysia. Secara tidak langsung pernyataan ini menjadi indikator kepada kebergantungan keluarga di Malaysia terhadap perkhidmatan pembantu rumah memandangkan kebanyakan suami dan isteri sekarang mempunyai pekerjaan masing-masing. Justeru, tanggungjawab menguruskan rumah dan menjaga anak-anak mahupun orang tua terletak di bahu pembantu rumah asing.

Agak sukar untuk menentukan angka pembantu warga Indonesia di Sarawak. Ini diakui sendiri oleh Didik J. Zulhadji, *Third Secretary/ Vice Consul* dari Konsulat General Republik Indonesia di Kuching semasa ditemubual. Menurut beliau, pihak Konsulat juga tidak mempunyai statistik yang lengkap kerana ada pembantu rumah wanita warga Indonesia yang datang bekerja di bandaraya Kuching secara haram. Kedudukan geografi Sarawak yang bersempadanan dengan Kalimantan Barat memudahkan mereka (pembantu rumah warga Indonesia) untuk menyusup masuk melalui 'jalan tikus' untuk mencari pekerjaan di Sarawak.

PERSEPSI PEMBANTU RUMAH WANITA WARGA INDONESIA TERHADAP MAJIKAN DI MALAYSIA:

Kajian kes di bandaraya Kuching, Sarawak

oleh

Siti Haslina Hussin dan Malia Taibi

PENGENALAN

Pembantu rumah wanita warga Indonesia mendominasi sektor perkhidmatan domestik di Malaysia. Secara tidak langsung pernyataan ini menjadi indikator kepada kebergantungan keluarga di Malaysia terhadap perkhidmatan pembantu rumah memandangkan kebanyakan suami dan isteri sekarang mempunyai pekerjaan masing-masing. Justeru, tanggungjawab menguruskan rumah dan menjaga anak-anak mahupun orang tua terletak di bahu pembantu rumah asing.

Agak sukar untuk menentukan angka pembantu warga Indonesia di Sarawak. Ini diakui sendiri oleh Didik J. Zulhadji, *Third Secretary/ Vice Consul* dari Konsulat General Republik Indonesia di Kuching semasa ditemubual. Menurut beliau, pihak Konsulat juga tidak mempunyai statistik yang lengkap kerana ada pembantu rumah wanita warga Indonesia yang datang bekerja di bandaraya Kuching secara haram. Kedudukan geografi Sarawak yang bersempadanan dengan Kalimantan Barat memudahkan mereka (pembantu rumah warga Indonesia) untuk menyusup masuk melalui 'jalan tikus' untuk mencari pekerjaan di Sarawak.

Menurut Didik lagi kebanyakan pembantu rumah wanita warga Indonesia di negeri ini berasal dari Kalimantan Barat – Pontianak dan Sambas – manakala sebilangan kecil berasal dari tanah Jawa. Ini kerana kedudukan geografi Sarawak dan Kalimantan Barat yang berdekatan di antara satu sama lain. Justeru, pembantu warga Indonesia ini berasa 'dekat' dengan keluarga walaupun sebenarnya

mereka bekerja di luar negara mereka. Faktor jarak ini menjadi salah satu sebab mereka sanggup datang ke Sarawak, terutamanya bandaraya Kuching untuk bekerja. Selain daripada itu, pendapatan yang lumayan juga menjadi tarikan kepada mereka untuk bekerja di sini. Justeru, kedua-dua faktor ini berjaya menarik ramai wanita warga Indonesia untuk datang bekerja di sini walaupun terdapat laporan-laporan rasmi dari media massa mahupun cerita mulut yang mengkhabarkan kisah-kisah malang yang menimpa pembantu rumah yang bekerja di Malaysia. Kes-kes yang melibatkan majikan dan pembantu rumah termasuklah penderaan fizikal, mental dan seksual. Selain daripada itu, terdapat juga kes penipuan daripada pihak agen mahupun majikan di mana pembantu rumah tidak dibayar gaji langsung atau tidak dibayar gaji yang sepatutnya.

Artikel ini meninjau persepsi dan harapan pembantu rumah wanita warga Indonesia terhadap majikan sebelum mereka datang ke sini. Selain daripada itu, persepsi mereka semasa bekerja di sini juga dilihat. Persoalan yang timbul adalah untuk melihat persepsi mereka terhadap majikan lelaki dan juga majikan wanita. Ini kerana walaupun kedua-duanya bergelar majikan, hakikatnya mereka memainkan peranan yang berbeza di antara satu sama lain. Pada masa yang sama, persepsi pembantu rumah wanita warga Indonesia terhadap ahli keluarga majikan juga dikaji. Akhir sekali, peranan pembantu wanita warga Indonesia sebagai 'agen' promosi untuk pekerjaan ini juga dilihat kerana ia berkaitan dengan faktor membuat keputusan untuk bekerja di Malaysia di kalangan wanita-wanita Indonesia.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Pengkaji memilih pembantu rumah wanita warga Indonesia yang bekerja di bandaraya Kuching sebagai sampel di dalam kajian ini. Persampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan responden bagi menilai persepsi mereka terhadap majikan di Malaysia tanpa mengira latar belakang mereka. Sebanyak 18 responden terpilih di dalam kajian ini. Bilangan yang terbatas ini adalah kerana pengkaji menghadapi kesulitan mendapatkan maklumat dari pihak pembantu rumah kerana terdapat majikan dan pembantu rumah sendiri yang tidak mahu bekerjasama. Tambahan pula, kajian ini dijalankan pada